

24/08/2002

Jerebu perlu ditangani daripada punca sebenar

HUJUNG minggu lalu, Speaker Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR), Amien Rais, menuduh Malaysia 'bermain api' kerana melaksanakan hukuman sebat ke atas pendatang tanpa izin Indonesia yang ditangkap ketika berada di negara ini. Dengan menyifatkan hukuman sebat sebagai tidak berperikemanusiaan, ketinggalan zaman dan satu penghinaan kepada seluruh Indonesia, Amien dengan lantang menyuarakan rasa marah dan kecewanya. Namun, kita anggap isu itu sudah berakhir berikutan satu kenyataan rasmi bahawa kerajaan Indonesia menghormati undang-undang negara ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam reaksinya turut menampelas Amien kerana hanya membantah tindakan Malaysia sedangkan Singapura yang lebih dulu menguatkuasakan undang-undang serupa sejak awal 1990-an tidak pun dipersoalkan.

Sebenarnya tiada langsung niat Malaysia untuk mengeruhkan hubungan antara kedua-dua negara pada ketika undang-undang imigresen lebih ketat itu diperkenalkan bagi menangani masalah kebanjiran pendatang tanpa izin sebelum ia menjadi bertambah sukar untuk dikawal. Sebaliknya, pihak yang tidak serik bermain api ialah sebilangan rakyat Indonesia sehingga jerebu yang berulang setiap tahun menimbulkan masalah besar dan boleh membawa kemudaratan kepada rakyat di negara serantau. Masalah yang berpunca daripada kebakaran hutan di Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah di tengah-tengah musim kemarau yang panjang ini dijangka berlanjutan sehingga Januari atau Februari depan. Jika kesan jerebu ketika ini boleh dirasakan di Malaysia, Singapura, Brunei, malah hingga ke Thailand, kita berasa gerun untuk membayangkan akibatnya jika dibiarkan berlarutan. Pengalaman menunjukkan masalah kebakaran hutan dan jerebu bukan saja menjejaskan sesebuah negara secara berasingan tetapi menyeluruh hingga menyebabkan kerugian ekonomi yang tidak terhitung.

Sebelumnya, jerebu meninggalkan kesan besar kepada Asia Tenggara ketika musim kemarau 1991 dan 1994, disusuli keadaan terburuk pada 1997. Daripada 'malapetaka' berkenaan seharusnya memberi banyak pengajaran agar lebih bijak menangani keadaan, Indonesia seolah-olah tidak pun mengambil iktibar. Sambil negara serantau boleh menerima hakikat bahawa republik itu tidak berhenti-henti mendepani pelbagai masalah lain yang lebih mendesak, namun adalah tidak wajar untuk mereka hanya berpeluk tubuh sambil membiarkan ia menjadi kebimbangan negara jiran. Apakah mereka lupa bagaimana Indonesia dikritik hebat oleh negara jiran dan aktivis alam sekitar dunia kerana gagal mengawal kebakaran hutan seluas 750,000 hektar pada 1997 itu hingga Presiden Suharto terpaksa memohon maaf secara terbuka? Alasan bahawa petani tiada cara lain dan tiada modal mencukupi untuk membersihkan ladang dan menyuburkan tanah, sukar diterima. Kebakaran hutan di Indonesia yang berpunca daripada amalan tradisi 'tebang dan bakar' yang menjadi kegiatan tahunan, hanya boleh dibendung jika pihak berkuasa bertindak tegas.

Dalam hubungan ini, Amien selaku Speaker MPR, badan perundangan tertinggi di republik itu, boleh turut memainkan peranan dalam memperbetulkan keadaan. Apatah lagi untuk rakyat disedarkan bahawa pembakaran ladang secara besar-besaran akan menyebabkan perubahan ekologi alam, seterusnya mendatangkan bencana kepada manusia, iltizam politik yang kuat adalah diperlukan. Sama ada disukai mereka atau tidak, Laporan Indeks Pembangunan Kemanusiaan bagi Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) tahun ini menyimpulkan bahawa jerebu yang menyelubungi Asia

Tenggara pada akhir 1990-an berlaku kerana pemilik ladang bertindak merasuah pegawai kerajaan Indonesia supaya menutup sebelah mata terhadap kejadian kebakaran hutan. Tentunya laporan berkenaan tidak boleh disangkal hanya dengan kata-kata melainkan melalui satu pelan tindakan menyeluruh. Malangnya, kenyataan terbaru Menteri Luar, Hassan Wirajuda, yang mendakwa belum menerima sebarang rungutan daripada negara jiran mengenai jerebu yang sedang melanda, tidak akan banyak mengubah persepsi berkenaan.